

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG
@ TIAN CHUA [BATU]**

TARIKH : RABU, 18 JUN 2014

RUJUKAN : L9 [PR-1322-L62671]

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah pampasan dan sewa perumahan PPR bagi penduduk Kg. Railway. Bilakah penduduk ini akan mendapat surat tawaran untuk membeli perumahan kos rendah yang akan dibina oleh Sentul Raya Sdn. Bhd. pada harga RM42,000.00.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, Kg. Railway terlibat dengan program pembersihan setinggan dan projek pembangunan oleh Sentul Raya Sdn. Bhd. Operasi pembersihan telah dijalankan pada 26 Disember 2013 dan semua penduduk yang terlibat telah mengosongkan tapak dan berpindah keluar.

Penyelesaian isu Kg.Railway ini meliputi tawaran:

- i. Pemberian pampasan dalam bentuk subsidi pengangkutan sebanyak RM18,000 bagi setiap keluarga oleh Sentul Raya Sdn. Bhd. kecuali bagi 17 keluarga yang tidak layak.
- ii. Surat tawaran pembelian rumah kos rendah dengan harga RM42,000 yang akan dibina di tapak Kg. Railway telah disertakan bersama semasa persetujuan perpindahan penduduk bertarikh 1 Disember 2013. Walau bagaimanapun, golongan 13 keluarga telah ditawarkan untuk membeli unit mampu milik pada harga yang akan ditetapkan oleh DBKL manakala baki 4 unit adalah merupakan bengkel dan stor yang tidak akan ditawarkan apa-apa jenis ganti rugi.
- iii. Penduduk ditawarkan menyewa secara transit di PA/PPR DBKL sehingga projek rumah kos rendah siap dibina.

iv. Bayaran cagaran kemasukan penyewa ke PA/PPR DBKL ditanggung sepenuhnya oleh Sentul Raya Sdn. Bhd manakala sewa bulanan akan ditanggung oleh DBKL untuk tempoh masa 3 tahun. Ini untuk memastikan bahawa pembangunan rumah kos rendah ini disiapkan mengikut tempoh yang ditentukan.